

04 AUG 2003

RAFIDAH-MAHATHIR

TAMBATAN RINGGIT AKAN DIKEKAL SELEPAS PERSARAAN DR MAHATHIR

Oleh: Massita Ahmad

TOKYO, 4 Ogos (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri Oktober nanti mungkin tidak membawa kepada perubahan besar dasar kerajaan sekarang seperti tambatan ringgit.

"Negara dan kerajaan masih sama. Yang berbeza adalah perdana menteri," katanya di seminar mengenai peluang perniagaan di Malaysia yang diadakan hari ini sempena lawatan beliau ke sini.

Mengulas kenyataan peserta seminar yang mendakwa Malaysia mungkin akan menghadapi kesukaran untuk mengekalkan tambatan ringgit selepas Dr Mahathir bersara, Rafidah berkata: "Kenapa ia sukar untuk dikekalkan?"

"Jika mata wang pesaing kami berbeza pergerakannya dari sekarang atau di luar paras 20 peratus daripada paras biasa, mungkin kami akan menyemaknya. Tetapi, kami akan terus menambat kepada dolar (Amerika)," katanya.

"Kami mungkin menukar tambatan RM3.80 (bagi satu dolar Amerika) jika perlu, tetapi buat masa ini, kami tidak nampak keperluannya.

"Jadi kami boleh katakan, kami akan mengekalkan dasar ini yang telah memberi manfaat kepada kami."

Kecekalan Rafidah juga diuji oleh peserta seminar yang bertanya samada Malaysia "boleh dipercayai" atau "boleh mengotakan janji" dalam menjalankan perniagaan.

Beliau menjawab: "Anda tidak boleh membuat perbandingan antara sesebuah masyarakat. Contohnya, adakah orang Korea lebih mesra daripada orang Jepun, dan orang Jepun lebih boleh dipercayai daripada orang Korea? Anda tidak boleh berbuat begitu.

"Dalam setiap masyarakat, mesti ada kambing hitam. Saya percaya di Jepun juga ada penyangak yang cuba menipu orang lain. Begitu juga di Malaysia.

"Tetapi pada amnya, kami mesra. Kenapa? Kerana iklim kami yang sentiasa cerah dan tidak ada musim sejuk. Kami lebih relaks dan banyak senyum," kata Rafidah.

Beliau menambah bahawa Malaysia mempunyai semangat di mana setiap orang tahu untuk menghormati budaya antara satu bangsa dengan bangsa yang lain.

"Kami banyak senyum. Sememangnya saya rasa kami lebih banyak ketawa dan senyum daripada kebanyakan orang lain. Kadang kala kami ketawa walaupun apabila kami tidak gembira.

"Ia bergantung. Jika anda bernasib baik, anda dapat rakan yang baik. Anda mesti dapatkan orang yang betul," katanya.

Rafidah turut memberi nasihat kepada bakal pelabur Jepun supaya mendapatkan bantuan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) "agar kami dapat memberitahu anda samada sesebuah syarikat itu sah atau tidak." -- BERNAMA

MAS MAD TJK JR